



KENYATAAN MEDIA

PROJEK CARING CENTRE HOSPITAL BENTONG PERSIAPKAN PESAKIT MENTAL KE ALAM PEKERJAAN

BENTONG, PAHANG – Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) terus memperkasa inisiatif pengurusan hilang upayanya kepada golongan pesakit psikiatri di negara ini dengan penubuhan **Projek Caring Centre di Hospital Bentong**, hari ini.

Projek yang dilaksanakan oleh **Cawangan Return To Work (RTW) PERKESO** dengan kerjasama **Unit Psikiatri dan Kesihatan Mental** serta **Unit Perubatan Carakerja** Hospital Bentong ini bermatlamat untuk membantu para pencarum dan pesakit psikiatri di Hospital Bentong kembali ke dunia pekerjaan menerusi intervensi rawatan pemulihan biopsikosal.

Ia merangkumi aktiviti-aktiviti seperti perkhidmatan penempatan pekerjaan dengan sokongan dan penglibatan majikan, penyediaan latihan vokasional dalam bidang makanan sejuk beku dan pertanian serta kemahiran keusahawanan.

Majlis pelancaran Projek Caring Centre Hospital Bentong ini telah disempurnakan oleh **Dato' Sri Dr. Mohammed Azman Dato' Aziz Mohammed, Ketua Eksekutif PERKESO**. Turut hadir, **Dr. Wan Abdul Rahim Wan Muhammad, Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri Pahang** dan **Dato' Amizar Abu Adam, Pengerusi Lembaga Pelawat Hospital Bentong**.

Pada majlis yang sama, turut diadakan sesi **penyerahan sumbangan bahan dan peralatan kulinari serta anak pokok dan peralatan agrikultur** daripada PERKESO kepada Hospital Bentong.

Penubuhan Projek Caring Centre di Hospital Bentong ini adalah yang **ketiga**, selepas penubuhan projek yang pertama di Hospital Bahagia Ulu Kinta, Perak pada tahun 2021 dan kedua di Hospital Sultanah Maliha, Langkawi pada Februari 2022. Sebanyak **13** lagi Projek Caring Centre dijangka akan ditubuhkan di seluruh negara dengan kerjasama Kementerian Kesihatan Malaysia dan Pusat Kesihatan Mental Masyarakat (MENTARI).

Selain majlis pelancaran tersebut, PERKESO turut berkesempatan untuk turun padang, menyantuni **dua (2)** orang penerima faedahnya dengan **sumbangan Kotak Prihatin** di kediaman mereka di Taman Desa Damai, Bentong. Mereka adalah **Puan Norfadilah Songip, 57 tahun**, yang menghidap masalah buah pinggang, kencing manis dan sakit jantung dan **Puan Sharipah Zainap Syed Abdullah, 60 tahun**, pesakit angin ahmar dan lumpuh sebelah kanan badan. Kedua-dua Orang Berinsurans merupakan penerima faedah Pencen Ilat.

Penganjuran program seperti ini diharap bukan sahaja dapat membantu meningkatkan bilangan pesakit yang mengalami masalah kesihatan mental untuk diambil bekerja semula, tetapi juga dapat memperluas jaringan perlindungan keselamatan sosial PERKESO kepada segenap lapisan masyarakat di Malaysia.

Dikeluarkan oleh:

Bahagian Komunikasi dan Hal Ehwal Korporat

8 Ogos 2022

Untuk sebarang pertanyaan, sila hubungi Shafiq Adnan di talian +6018 – 3246 720 dan Hamisah Hamid di talian +6019 – 3833 605.